

Amaran Mahathir kepada pegawai kerajaan

BM - 5 APR 1988

LANGKAWI, Sabtu — Kerajaan tidak akan teragak-agak menasihatkan sebarang pegawai kerajaan tanpa mengira pangkat, untuk bersara sekiranya mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya, demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Barulah saya berterus terang tidak ada tempat dalam perkhidmatan awam negara bagi kakitangan kerajaan yang hanya menganggap diri mereka sebagai penumpang," katanya ketika merasmikan Seminar Pelaksanaan Pembangunan Negeri Kedah di sini hari ini.

Seminar tiga hari anjuran bersama Kerajaan Negeri Kedah dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) itu disertai oleh ahli-ahli Parlimen, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan juga pegawai-pegawai pentadbir kerajaan negeri.

Menurut Timbalan Perdana Menteri Kerajaan memerlukan setiap pegawai menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas-tugas yang dijalankan dan sebagai dorongan kerajaan telah pun mengutamakan sistem merit semasa mempertimbangkan kenaikan pangkat.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan pegawai itu adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mempunyai satu birokrasi yang benar-benar profesional agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cekap serta mempunyai daya usaha dan penglibatan yang luhur.

pakar di bidang masing-masing.

"Sehingga ini kerajaan masih lagi kekurangan kakitangan mahir dan terlatih yang memahami dan berkemampuan menjalankan fungsi rancangan serta pelaksanaan dengan sempurna," tegasnya.

Dalam hubungan ini kerajaan mengutamakan kegiatan-kegiatan latihan semua peringkat pegawai kerajaan dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Keempat dengan memperkukuhkan lagi institusi-institusi latihan yang ada di dalam negeri di samping menambah bilangan kakitangan yang akan dihantar ke luar negeri," tambah beliau.

Langkah-langkah tersebut, ujarnya membolehkan jentera kerajaan mengguna teknik-teknik dan kaedah baru dalam bidang pengurusan pembangunan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata sesuatu rancangan pembangunan hanya terjamin kejayaannya setelah dilaksanakan mengikut garis-garis panduan yang disusun dan faedah-faedahnya disampaikan kepada golongan-golongan yang menjadi sasaran.

Beliau memberitahu negara memerlukan

dan kerajaan negeri," tegasnya.

Timbalan Perdana Menteri menerangkan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dan masalah tersebut, jawatankuasa Kabinet mengenai pelaksanaan dibentuk bagi meneliti langkah-langkah yang perlu diambil untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan rancangan pembangunan dan jawatankuasa tersebut telah pun membuat beberapa perakuan dengan tujuan memperbaiki kelemahan-kelemahan itu.

Beliau berkata kelemahan-kelemahan tersebut penting sekali diatasi kerana menjelang tahun 1990 kerajaan akan dihakimi oleh rakyat yang sudah membuka mata kepada perubahan-perubahan tentang selakat mana kejayaan yang dicapai dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

"Ini bergantung kepada kejayaan merancang dan melaksanakan program-program pembangunan yang dijalankan dan sekiranya sistem perancangan serta pelaksanaan berjalan dengan sempurna maka kedudukan dan legitimasi kerajaan akan bertambah kukuh," kata Timbalan Perdana Menteri.

"Ini bergantung kepada kejayaan merancang dan melaksanakan program-program pembangunan yang dijalankan dan sekiranya sistem perancangan serta pelaksanaan berjalan dengan sempurna maka kedudukan dan legitimasi kerajaan akan bertambah kukuh," kata Timbalan Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir menggesa pegawai kerajaan mempunyai kesedaran politik tentang perkembangan alam sekitar di mana ia bertugas bagi membolehkan mereka memahami dengan lebih dekat lagi tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin politik.

tenaga manusia mahir, terlatih dan mempunyai kepakaran sesuai di bidang-bidang tertentu kerana perkembangan ekonomi secara bebas atas prinsip 'laissez faire' semata-mata tidak akan membawa negara ini kepada satu rupa bentuk masyarakat harmoni dan bersatu.

Rancangan Malaysia Ketiga mengalami beberapa kegagalan dari segi pencapaian matlamat-matlamat disebabkan masalah pelaksanaan seperti pengambilan semula tanah, kekurangan tenaga manusia terlatih, kekurangan bahan-bahan binaan, kurang sempurna penyelarasan antara para perancangan dan pelaksana serta perhubungan antara kerajaan persekutuan

Katanya, di samping menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas seseorang kakitangan kerajaan mestilah berupaya menguasai bidang tugas tempat mereka bergerak.

Beliau berkata, etika perkhidmatan awam dilancarkan bagi menjamin mutu perkhidmatan yang cemerlang di mana pegawai disenarai ke dalam bidang-bidang pengkhususan tertentu supaya mereka menjadi